



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI SELANGOR**

Menara NAZA TTDI
Tingkat 6, 12 dan 13
No. 11, Jalan Judo 13/45
Seksyen 13, 40100 SHAH ALAM
SELANGOR DARUL EHSAN

Tel : 603-5520 5200

Laman Web:

<http://www.anm.gov.my/index.php/utama-selangor>

Rujukan Kami : ANM (SEL) G.100.10/3/1(46)
Tarikh : 5 April 2023

**Ketua-Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ) Dibawah Seliaan
Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Selangor**

YBhg. Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

**ARAHAN PENGGUNAAN SATU AKAUN BANK SAHAJA BAGI BAYARAN KEPADA
PENJAWAT AWAM (KOD VENDOR EMPLOYEE) MELALUI MODUL HUMAN
CAPITAL MANAGEMENT (HCM) DAN MODUL ACCOUNT PAYABLE (AP)**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara diatas.

2. Selaras dengan surat Surat Edaran JANM.BPOPP.600-15/4/13(28), bertarikh 29 Mac 2023, Pusat Tanggungjawab (PTJ) hendaklah memastikan **penggunaan satu akaun bank sahaja** bagi pembayaran kepada penjawat awam melalui kod vendor EMPLOYEE seperti dibawah :

- i) **Bayaran emolumen kepada *Penjawat Awam melalui Modul Human Capital Management (HCM) – Payroll***
- ii) **Bayaran tuntutan perjalanan (TNT) - Modul (AP)**
- iii) **Tuntutan lain - Modul (AP)**

3. Keutamaan pembayaran kepada penjawat awam bagi modul AP adalah **menggunakan satu nombor akaun bank sahaja iaitu sumber data dari HCM**. Sekiranya terdapat keperluan bagi menggunakan nombor akaun selain daripada sumber data di HCM, pegawai melalui Pusat Tanggungjawab (PTJ) hendaklah mendapat pengecualian daripada Pejabat Perakaunan di atas justifikasi tertentu.

4. Sila ambil perhatian bahawa arahan ini berkuatkuasa pada **01 Mei 2023**.

5. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan lanjut, pihak YBhg. Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan boleh menghubungi pegawai-pegawai berikut:

NAMA PEGAWAI	NO. TELEFON	EMEL
Puan Suryana binti Md Yasin	03-5520 5322	suryana.mdyasin@anm.gov.my
Puan Siti Sarlina binti Saleh	03-5520 5303	sarlina.saleh@anm.gov.my
Puan Nur Azianie binti Sarijan	03-5520 5235	azianie.sarijan@anm.gov.my

6. Kerjasama pihak YBhg. Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan, tentang perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“Memperkasa Budaya Inovasi Pendigitalan”

Saya yang menjalankan amanah,



(RUZINAH BINTI RUKUN C.A.(M), CPA(M), CPFA(UK))

Pengarah

Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Negeri Selangor

Tel : 03 5520 5200

Emel : ruzinah@anm.gov.my



JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
(Accountant General's Department Malaysia)
KOMPLEKS KEMENTERIAN KEWANGAN
NO. 1, PERSIARAN PERDANA
PRESINT 2
62594 PUTRAJAYA

Telefon : 603-8882 1000
Faks : 603-8882 1042
Web : www.anm.gov.my



Ruj Kami : JANM.BPOPP.600-15/4/13(28)
Tarikh : 29 Mac 2023

Ketua Akauntan, Bahagian Akaun Kementerian

Pengarah JANM Negeri/Cawangan

Tuan/ Puan,

SURAT EDARAN BPOPP BILANGAN 3 TAHUN 2023

PENGUNAAN SATU AKAUN BANK SAHAJA BAGI BAYARAN KEPADA PENJAWAT AWAM (KOD VENDOR EMPLOYEE) MELALUI MODUL HUMAN CAPITAL MANAGEMENT (HCM) DAN MODUL ACCOUNT PAYABLE (AP)

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Selaras dengan keputusan Mesyuarat Pengarah dan Ketua Akauntan Bilangan 1 Tahun 2023 bertarikh 15 Mac 2023, mesyuarat bersetuju bagi **penggunaan satu akaun bank sahaja bagi pembayaran kepada penjawat awam melalui kod vendor EMPLOYEE untuk bayaran emolumen kepada Penjawat Awam melalui Modul *Human Capital Management (HCM)* – Payroll dan bayaran tuntutan perjalanan (TNT) serta tuntutan lain di Modul *Account Payable (AP)***. Ini adalah selaras dengan pelaksanaan penggunaan Tuntutan Perjalanan (TNT) HRMIS yang menggunakan nombor akaun daripada sumber data *Human Capital Management (HCM)*.


3. Keutamaan pembayaran kepada penjawat awam bagi modul AP adalah menggunakan satu nombor akaun bank sahaja iaitu sumber data dari HCM. Sekiranya terdapat keperluan bagi menggunakan nombor akaun selain daripada sumber data di HCM, pegawai melalui Pusat Tanggungjawab (PTJ) hendaklah mendapat pengecualian daripada Pejabat Perakaunan di atas justifikasi tertentu.

4. Pejabat Perakaunan hendaklah memanjangkan perkara ini kepada Pusat Tanggungjawab dan perkara ini berkuatkuasa pada **1 Mei 2023**.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"Memperkasa Budaya Inovasi Pendigitalan"

Saya yang menjalankan amanah,



(MOHD AZRAAI BIN MD AZNAN C.A. (M))

Pengarah

Bahagian Pengurusan Operasi Pejabat Perakaunan
b/p Akauntan Negara Malaysia